

Jamaluddin jelaskan kontroversi perjudian Bukit Tinggi minggu depan

UM 21 JUN 2003

Oleh AKMAR HISHAM
MOKHLES

KUALA LUMPUR 20 Jun — Kontroversi kegiatan perjudian di Bukit Tinggi Resort dijangka berakhir sepenuhnya minggu depan apabila Menteri Kewangan II, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis berjanji memberi penjelasan penuh berhubung perkara tersebut dalam satu sidang akhbar khas.

Menurut beliau, penjelasan itu penting bagi mengelakkan kekeliruan dan kontroversi yang ada berlarutan.

“Saya juga bersedia untuk memberi penjelasan tentang perkara ini di Parlimen supaya pembangkang tidak terus memutarbelit tentang isu ini,” kata-

nya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Jamaluddin berkata, beliau sengaja memilih untuk membuat penjelasan tersebut minggu depan iaitu selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO ke-54 kerana waktu tersebut adalah yang paling sesuai.

Katanya, beliau juga berkemungkinan mengadakan sidang akhbar berkenaan bersama Timbalannya, Datuk Chan Kong Choy bagi menerangkan perkara itu.

Bagaimanapun, tarikh dan masa sidang akhbar tersebut katanya masih belum diputuskan lagi.

Jamaluddin berkata demikian ketika ditanya tentang status lesen mesin slot yang dikendalikan

oleh syarikat Bukit Tinggi Resort Berhad (BTRB) kerana sehingga kini tiada keputusan muktamad mengenainya diputuskan.

Pada 20 Mei lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak pernah memberi lesen kepada BTRB, pemaju projek perancangan di Bukit Tinggi untuk mengendalikan kasino seperti yang didakwa oleh pembangkang.

Perdana Menteri berkata, pemaju itu sebaliknya telah menyalah guna kebenaran untuk mengendalikan mesin slot khas bagi ahli kelab dengan membarkannya digunakan oleh pengunjung awam.

Ekoran itu, beliau telah mengarahkan syarikat terbabit menghentikan operasi mesin slot berkenaan.

Pengurus Besar BTRB, Teh Ming Wah bagaimanapun memberitahu, aktiviti 250 mesin slot milik syarikat itu hanya akan dihentikan sementara waktu sehingga Kementerian Kewangan memberi penjelasan berhubung terma serta syarat pemberian lesen bagi operasi pusat itu.

Parti-parti pembangkang sebelum ini menggunakan isu mesin slot di Bukit Tinggi itu yang didakwa sebagai pusat kasino kedua di negara ini untuk memburukkan kerajaan termasuk menuduh kerajaan mewujudkan kasino kedua terbesar di situ selepas Genting Highlands.

Malah, mereka menuduh kerajaan meluluskan lesen bagi pusat operasi kasino di Bukit Tinggi wa-

laupun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak termasuk rakvat Pahang.

Baru-baru ini, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob memberitahu, kerajaan negeri tidak membantah operasi mesin slot di Bukit Tinggi bertujuan supaya kegiatan perjudian di negeri itu lebih terkawal.